

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah polisi tender terbuka terpakai di setiap Kementerian dan bagaimanakah polisi ini dilaksanakan. Adakah polisi rundingan terus masih dilaksanakan di mana-mana Kementerian dan jika ya, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat,

Seperti mana amalan biasa, pelaksanaan projek Kerajaan dilaksanakan melalui kaedah tender terbuka berdasarkan peraturan dan tatacara yang termaktub di dalam Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan turut melaksanakan perolehan melalui kaedah rundingan terus secara terpilih berdasarkan kriteria khusus seperti berikut:

- i. perolehan bekalan/perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan Negara;

NO SOALAN : 40

- ii. keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan diperoleh;
- iii. satu punca bekalan/perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;
- iv. keselamatan/strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara; atau
- v. kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.

Kementerian perlu mengemukakan permohonan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kriteria di atas kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan sebelum perolehan boleh dilaksanakan sebagai langkah kawalan.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi aktiviti ekonomi melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, Kerajaan telah menaikkan had nilai ambang sedia ada bagi pelaksanaan perolehan projek Kerajaan secara undian dan sebut harga serta dijangka akan memberi manfaat terutamanya kepada lebih 88,000 kontraktor di Gred G1, G2 dan G3.

Sekian, terima kasih.